

Sekitar Kongres Persekutuan Silat

Antarabangsa (Persilat) di Jakarta

Seni silat Melayu menjalar ke Barat

Berita Minggu

Pencak Silat. 22 AUG 1982

SILAT sebagai satu seni mempertahankan diri orang-orang Melayu di rantau ini, sudah sampai ke peringkat yang menghendaknya dikenalkan dan diperluaskan kepada bangsa-bangsa asing.

Jika seni mempertahankan diri orang-orang Asia yang lain seperti Judo, Karate, Tae Kwon Do dan Kung Fu boleh bertapak dan digemari oleh orang-orang di Barat, tidak ada sebab mengapa seni silat Melayu tidak boleh dikembangkan ke seluruh dunia.

Hakikat bahawa seni silat sekarang ini diminati oleh jutaan orang di Indonesia, Malaysia, Singapura, Brunei, Selatan Filipina dan Thailand, sudah menjadi bukti bahawa seni itu boleh dikenalkan kepada orang-orang Barat.

Pokoknya, mestilah ada usaha yang menyeluruh dan rancangan jangka panjang ke arah itu.

Oleh yang demikian, keputusan Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat) untuk 'mengeksport' seni silat Melayu ke Eropah, Amerika dan Australia, dalam kongresnya di Jakarta baru-baru ini, haruslah mendapat sokongan.

Persilat yang dianggotai oleh tiga buah negara Asean — Indonesia, Malaysia dan Singapura — telah dibentuk dua tahun lalu untuk menggalakkan dan menyelaraskan usaha-usaha mengembangkan seni silat di rantau ini dan negara-negara lain.

Berita Minggu Persetujuan

Dalam kongres yang diadakan sempena dengan Pesta Silat Asean Kelima dan Pertandingan Silat Olahraga Antarabangsa pertama itu, wakil-wakil dari tujuh buah negara telah bersetuju untuk menggiatkan usaha mengenalkan seni silat kepada orang-orang Barat.

Tujuh negara itu ialah Indonesia, Malaysia, Singapura, Jerman Barat, Belanda, Australia dan Amerika Syarikat.

Singapura telah diwakili oleh Persekutuan Silat Singapura (Persisi). Seti-usaha Agung Persisi, Encik Johari H.M. Uriff, yang mengikuti rombongan Singapura ke pesta selama lapan hari, dari 2 hingga 9 Ogos, itu telah menerangkan usaha-usaha tersebut kepada Berita Minggu baru-baru ini.

Menurutnya, sebagai langkah pertama ke arah

usaha itu Persilat telah bersetuju untuk menerima wakil-wakil dari Belanda, Jerman Barat, Amerika Syarikat dan Australia sebagai anggota gabungan Persilat.

"Dengan penerimaan keanggotaan mereka itu, maka adalah diharapkan wakil negara-negara

tersebut dapat menggiatkan lagi usaha mengenalkan seni silat Melayu kepada orang-orang Barat," katanya.

Usaha memperkenalkan silat kepada orang-orang Barat telah dimulakan sejak 1975, tetapi tidaklah begitu meluas.

Silat dikenalkan menerusi mahasiswa-mahasiswa dan para pelajar Malaysia dan Indonesia yang sedang menuntut di negara-negara itu.

Ia juga diusahakan oleh guru-guru silat yang pernah menuntut di 'sekolah-sekolah' perguruan silat di Indonesia. Orang-orang Melayu yang bermastautin di negara-negara Barat turut mengembangkan seni itu.

Berita Minggu Perangkaan

Walaupun tidak ada perangkaan rasmi tentang bilangan orang-orang Barat yang mengikuti silat, tetapi difahamkan bilangan itu kian bertambah dari masa ke masa.

Kebanyakan jenis silat yang terdapat di negara-negara Barat adalah dari perguruan silat Indonesia. Indonesia mempunyai lebih 800 perguruan.

Menurut Encik Johari, Persilat juga akan menyokong usaha-usaha menubuhkan persatuan atau badan-badan silat di negara-negara Eropah, Amerika Syarikat dan Australia.

Sejauh ini hanya Belanda mempunyai sebuah badan yang khusus iaitu Bond Pencak Silat Indonesia, yang dianggotai oleh kira-kira 200 orang pesilat bangsa Indonesia dan Belanda.

Wakil-wakil dari Jerman Barat difahamkan akan membentuk sebuah persatuan silatnya. Sekarang ini usaha mempopularkan silat diusahakan oleh kumpulan-kumpulan kecil saja.

Usaha-usaha untuk

mengenalkan seni silat di Amerika Syarikat, khususnya di bahagian negeri California, akan dirancakkan lagi. Seorang bangsa Amerika kini sedang menjalani kursus silat selama empat tahun di Bogor dan bila tamat kelak, beliau akan kembali ke California untuk menjalankan usaha itu.

Encik Johari menyatakan bahawa berdasarkan pada penyertaan empat orang wakil Amerika dalam kongres itu, orang-orang Amerika terbukti mempunyai minat dalam seni silat Melayu.

"Wakil-wakil itu memberikan gambaran bahawa ilmu silat yang dipelajari di Amerika adalah lebih tertib dan sistematis, seperti yang diajarkan di Indonesia," katanya.

Dengan ini, mereka dapat menurunkan seni silat itu kepada orang lain dengan lebih baik dan berkesan.

22 AUG 1982

Maklumat

Berita Minggu

Belanda yang nampaknya lebih maju dalam seni silat telah juga diberikan 'tugas' untuk mengenalkan seni itu kepada orang-orang Asia Barat.

Belanda juga telah diluluskan menjadi tuan-rumah Pertandingan Silat Olahraga Antarabangsa yang kedua tahun depan untuk mengenalkan silat kepada orang-orang negara itu.

Satu lagi usaha yang tidak kurang penting ialah ura-ura membukukan maklumat-maklumat dan sejarah mengenai seni silat.

Encik Johari berkata: "Buku ini kelak akan membantu pembaca dan peminat-peminat seni mempertahankan diri mengenal dan memahami

selok-belok dan sejarah silat Melayu."

Bagaimanapun, beliau menambah, satu kajian yang meluas perlu dijalankan sebelum buku itu diterbitkan.

Pertemuan lanjut untuk membincangkan penerbitan buku itu di kalangan negara-negara yang terlibat, akan diadakan enam bulan sekali.

Sekalipun seni silat Melayu telah dieksport ke luar negeri, Persilat akan memastikan bahawa ia tidak akan dicemarkan.

Dalam hubungan ini, Encik Johari menyatakan bahawa kongres silat itu telah mengesahkan satu keputusan supaya keaslian perguruan silat dijaga dengan baik.

"Walaupun, silat yang dieksport itu bukan 100 peratus silat, tetapi ia mestilah memaparkan keaslian seninya," kata beliau.

Seperti seni mempertahankan diri Judo yang merupakan salah satu acara di Sukan Asia Tenggara, kongres juga akan berusaha untuk menjadikan silat sekurang-kurangnya sebagai satu acara demonstrasi, jika tidak diterima sebagai satu acara di temasya sukan itu.

Oleh ZAKARIA BUANG